



Ruj. Tuan :

KP(PPK)S32/4/Jld.X(79)
Ruj. Kami : KP(BS)8591/Jld.V/ (118)

Tarikh : 6 Jun 1991

Semua Pengarah Pendidikan Negeri
MALAYSIA

Tuan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 6/1991 :
Sukatan Pelajaran dan Peruntukan Masa Untuk Mata-Mata Pelajaran
Program Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)
Bagi Sekolah Menengah Rendah Dan Sekolah Menengah Atas

Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan Surat Pekeling Ikhtisas Bil. 17/1988 bagi memaklumkan tentang sukan pelajaran dan peruntukan masa untuk mata-mata pelajaran KBSM, Sekolah Menengah Rendah. Di samping itu Surat Pekeling Ikhtisas Bil. 8/1990 telah juga dikeluarkan bagi memaklumkan tentang sukan pelajaran dan peruntukan masa untuk mata-mata pelajaran KBSM, Sekolah Menengah Atas.

2. Surat Pekeling ini memaklumkan tentang penawaran mata-mata pelajaran baru bagi Sekolah Menengah Rendah dan Sekolah Menengah Atas.

3. Mata pelajaran Bahasa Arab (Komunikasi) akan diajar di sekolah menengah rendah dari Tingkatan I hingga Tingkatan III sebagai mata pelajaran tambahan. Senarai mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat menengah rendah ialah seperti berikut :

<u>Teras</u>	<u>Tambahan</u>
Bahasa Melayu	Bahasa Cina
Bahasa Inggeris	Bahasa Tamil
Matematik	Bahasa Arab (Komunikasi)
Pendidikan Islam/Pendidikan Moral	
Geografi	
Sejarah	
Sains	
Pendidikan Seni	
Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	
Kemahiran Hidup	

Peruntukan masa bagi mata pelajaran Bahasa Arab (Komunikasi) ialah sebanyak enam waktu seminggu.

4. Mata pelajaran Bahasa Arab (Komunikasi) juga akan diajar di sekolah menengah atas (Tingkatan IV dan V) sebagai mata pelajaran tambahan. Peruntukan masa ialah enam waktu seminggu.

5. Di samping mata pelajaran Bahasa Arab (Komunikasi), Kementerian Pendidikan akan menawarkan satu kumpulan elektif **Pengajian Islam** yang mengandungi tiga mata pelajaran berikut :

<u>Tajuk Mata Pelajaran</u>	<u>Peruntukan Waktu Dalam Seminggu</u>
Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah	4
Pendidikan Syariah Islamiah	4
Tasawwur Islam	4

Dalam kumpulan elektif Kemanusiaan pula ditambah satu mata pelajaran baru, iaitu Bahasa Arab Tambahan. Peruntukan waktu dalam seminggu ialah empat waktu.

Senarai mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat menengah atas ialah seperti berikut :

<u>Teras</u>	<u>Tambahan</u>
Bahasa Melayu	Bahasa Cina
Bahasa Inggeris	Bahasa Tamil
Matematik	Bahasa Arab (Komunikasi)
Pendidikan Islam/Pendidikan Moral	
Sejarah	
Sains	
Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	

ELEKTIF

<u>Kumpulan I</u> (Kemanusiaan)	<u>Kumpulan II</u> (Vokasional dan Teknologi)	<u>Kumpulan III</u> (Sains)	<u>Kumpulan IV</u> (Pengajian Islam)
<ul style="list-style-type: none"> • Kesusastraan Melayu • Kesusastraan Dalam Bahasa Inggeris • Geografi • Pendidikan Seni • Bahasa Arab Tambahan 	<ul style="list-style-type: none"> • Prinsip Akaun • Ekonomi Asas • Perdagangan • Sains Pertanian • Ekonomi Rumah Tangga • Matematik Tambahan • Pengajian Kejuruteraan Jentera • Pengajian Kejuruteraan Awam • Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik • Lukisan Kejuruteraan • Teknologi Kejuruteraan 	<ul style="list-style-type: none"> • Sains Tambahan • Fizik • Kimia • Biologi 	<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah • Pendidikan Syariah Islamiah • Tasawwur Islam

6. Mata pelajaran Bahasa Arab (Komunikasi) adalah terbuka kepada semua pelajar tetapi pelaksanaannya tertakluk kepada kemudahan-kemudahan yang ada, terutamanya guru yang berkelayakan untuk mengajar mata pelajaran ini dan terdapat 15 orang pelajar atau lebih yang mengambilnya. Di samping itu pelaksanaannya tidak akan menjelaskan jadual waktu biasa persekolahan.

7. Bagi mata-mata pelajaran elektif yang dinyatakan dalam Perenggan Lima, ia tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam Perenggan Empat, Pekeliling Ikhtisas 8/1990 dan syarat-syarat tambahan berikut :

- (i) Bagi pelajar yang mengambil dua mata pelajaran Pengajian Islam iaitu Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah dan Pendidikan Syariah Islamiah, atau mereka yang mengambil ketiga-tiga mata pelajaran dalam Kumpulan IV tidak dibenarkan mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Kumpulan Teras.
- (ii) Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama atau di sekolah menengah biasa yang mengambil dua mata pelajaran iaitu Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah dan Pendidikan Syariah Islamiah, atau ketiga-tiga mata pelajaran Pengajian Islam dibolehkan mengambil lima mata pelajaran elektif.

8. Penawaran mata-mata pelajaran elektif ini adalah tertakluk kepada kemudahan-kemudahan yang ada, terutamanya guru-guru. Di samping itu ia juga tertakluk kepada persediaan awal yang telah dibuat di peringkat menengah rendah untuk membolehkan pelajar mengambil mata-mata pelajaran tersebut di peringkat menengah atas seperti yang dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan sekolah-sekolah menengah biasa yang tertentu di seluruh negara.


9. Untuk memastikan bahawa pelajar yang berminat dalam bidang Pengajian Islam mendapat faedah dariapda pelbagai mata pelajaran vokasional dan teknologi serta sains, pihak sekolah dikehendaki memastikan bahawa kombinasi mata-mata pelajaran yang dibuat oleh pelajar dalam bidang ini turut memasukkan mata-mata pelajaran dari Kumpulan II atau Kumpulan III. Oleh itu bimbingan pemilihan mata pelajaran perlu dilakukan untuk memastikan setiap pelajar membuat pemilihan mata pelajaran yang sewajarnya.

10. Perkara-perkara lain yang terkandung dalam Surat Pekeliling Bil. 17/1988 dan Surat Pekeliling Bil. 8/1990 adalah tidak berubah. Oleh itu Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan surat-surat Pekeliling terdahulu seperti tersebut di atas.

11. Kandungan pekeliling ini hendaklah dimaklumkan kepada semua sekolah menengah.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA dan CINTAILAH BAHASA KITA”



TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN ARSHAD
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

s.k.

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha I dan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I dan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua-Ketua Bahagian dan Ketua Jemaah Nazir
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Setiausaha Sulit
Y.B. Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia